



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

LARIAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN, LABUAN HALF MARATHON, DAN BMW RUN 2025

LABUAN, 9 FEBRUARI 2025 – Ybhg. Dato' Indera Noridah Abd Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan telah membuat Sesi **Flag-Off** pelepasan seramai 3,047 orang peserta Half Marathon dan Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025 peringkat WP Labuan bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan pagi ini. Larian ini merupakan larian siri kedua selepas siri pertama yang telah di rasmikan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa di Putrajaya pada 1 Februari 2025 yang lalu. Program ini merupakan salah satu program yang telah dirangka dalam kalendar Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 dan merupakan program kerjasama strategik bersama JomRun selaras dengan visi Bandar CHASE.

Para peserta menyertai pertandingan dengan jarak larian 21 kilometer, 10 kilometer dan 5 kilometer mengikut kategori Half Marathon, BMW Regas Premium dan Larian Hari Wilayah Persekutuan. Penyertaan menggalakkan ini melepasi sasaran peserta seramai 3,000 orang. Penganjuran acara kesihatan ini juga berobjektif untuk mengeratkan hubungan perpaduan dan keharmonian sesama warga Wilayah Persekutuan dengan amalan gaya hidup yang sihat.

Turut dijalankan acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah dengan jumlah keseluruhan hadiah sebanyak rm8,000.00 untuk kesemua peserta yang menyertai program ini. Semua warga Wilayah Persekutuan diminta untuk bersama-sama menyertai program-program yang telah dirangka sepanjang berlangsungnya Bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dan meneruskan kempen mengibar bendera Wilayah Persekutuan demi menunjukkan semangat dan sayang setiap warga.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
9 Februari 2025**